

Limpahan lumpur hujan empat jam

Georgetown: Beberapa kediaman di sekitar kawasan perumahan Bayan Lepas, di sini, digenangi air lumpur selepas hujan lebat selama empat jam, semalam.

Hujan lebat sejak jam 5 hingga 9 pagi mengakibatkan 70 rumah di Kampung Seronok, Bayan Lepas, di sini, dinaiki air hampir satu meter mengakibatkan peralatan dan barangan mengalami kerosakan.

Tinjauan Harian Metro mendapati air lumpur naik di beberapa seperti Bayan Baru, Paya Terubong, Air Itam termasuk Jalan Hutton berdekatan pusat bandar.

Kawasan di Jalan Sultan Azlan Shah berhampiran kilang perindustrian turut dinaiki air 0.5 meter termasuk limpahan banjir lumpur di Jalan Paya Terubong, Air Itam

dar Batu Maung.

Lokasi lain yang terjejas ialah Jalan Transfer, Jalan P Ramlee, Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland dan beberapa kawasan rendah mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang teruk.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Perak Pegawai Bomba Kanan Shaari Yahya berkata, sebuah jentera dan enam anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Seri Pulau melakukan pemantauan dan pemeriksaan di beberapa lokasi Bayan Lepas.

Katanya, pemantauan mendapati ada rumah dimasuki air dan berdasarkan pemeriksaan pihaknya, antara punca kejadian ialah saluran perparitan tersumbat.

"Tiada mangsa dilaporkan cedera dan tiada penduduk dipindahkan," katanya.

RIZA Nazira Aboo Bakar menganyam ketupat untuk menyambut Aidiladha walaupun rumah dilanda banjir kilat di Kampung Suluk.

RUNTUHAN lereng bukit menghalang lalu lintas di sekitar Paya Terubong, Pulau Pinang.

AIR deras menuruni lereng bukit selepas hujan berhenti.

FAKTA

Tiada mangsa
cedera dan tiada
penduduk
dipindahkan